

STPM Kertas 1 2020:

Soalan 5 Jawapan yang dicadangkan

- (a) Dengan menggunakan contoh yang bersesuaian, jelaskan bagaimana kawalan dalaman yang berikut boleh dilaksanakan.:
- (i) Kelulusan: Setiap pembayaran yang dibuat oleh perniagaan perlu diluluskan oleh seorang pegawai yang diberi kuasa untuk berbuat demikian.
 - (ii) Verifikasi dalaman: Penyata penyesuaian bank disediakan pada akhir bulan untuk memastikan rekod-rekod dalam buku tunai betul dan kemas kini.
 - (iii) Pusingan tugas: Individu yang bertugas di bahagian penerimaan bahan mentah ditukarkan ke bahagian stor selepas satu tempoh tertentu dan tugas penerimaan bahan mentah pula diambil alih oleh individu lain.
 - (iv) Penetapan tanggungjawab: Setiap pekerja diberi tanggungjawab yang spesifik seperti kerani akaun belum bayar ditugaskan menyimpan semua rekod-rekod perakaunan berkaitan dengan akaun belum bayar.
 - (v) Pendokumenan: Setiap pembayaran untuk belanja disokong dengan baucar pembayaran.
- (b) (i) Kenal pasti prinsip kawalan dalaman serta sama ada mempunyai ciri kawalan dalaman yang lemah atau baik:

Prosedur	Prinsip kawalan dalaman	Baik atau lemah
(a)	Pendokumentasian	Baik kerana mempunyai dokumen yang sesuai untuk menyokong urus niaga.
(b)	Kawalan fizikal	Baik kerana mesin daftar tidak boleh diakses oleh orang yang tidak bertanggungjawab.
(c)	Penetapan tanggungjawab	Baik kerana setiap kerani mempunyai tanggungjawab yang spesifik.
(d)	Verifikasi dalaman	Baik kerana jumlah kutipan tunai dibandingkan dengan rekod dalam mesin daftar tunai.
(e)	Pendokumentasian	Lemah kerana tiada rekod untuk mengesahkan penerimaan kutipan tunai daripada setiap juruwang.
(f)	Pengasingan tugas	Lemah kerana kerani akaun yang menerima tunai juga membuat rekod penerimaan.
(g)	Pengasingan tugas	Lemah kerana kerani akaun yang menerima dan merekod kutipan tunai juga menandatangani ke dalam bank.

(ii) Dua langkah penambahbaikan:

1. Setiap penerimaan daripada juruwang perlu didokumenkan dengan juruwang berkenaan mengesahkan jumlah penyerahan tunai serta mengakui, jika ada, amaun perbezaan antara jumlah kutipan tunai dan rekod seperti di mesin daftar tunai.
2. Perekodan mengenai jumlah kutipan tunai harian perlu dibuat oleh kerani akaun yang lain selepas memastikan bahawa semua juruwang telah menyerahkan kutipan tunai mereka.

(iii) Tiga cadangan untuk menambahbaik sistem pembayaran tunai:

1. Tugas untuk meluluskan pembayaran dipertanggungjawabkan kepada seorang individu lain yang mahir dan berpengalaman. Ini akan mengelakkan kelewatan dalam proses kelulusan pembayaran.
2. Seorang pekerja dipertanggungjawabkan untuk menyediakan cek-cek apabila baucar pembayaran yang diluluskan diterima. Ini akan mengelakkan kelewatan dalam penyediaan cek.
3. Menambahkan seorang lagi penandatangan cek supaya cek-cek yang disediakan ditandatangani tepat pada masanya. Pemilik boleh melakukan verifikasi dalaman untuk memastikan bahawa tiada kesilapan atau penyelewengan berlaku dalam proses pembayaran. Dengan ini cek-cek boleh dihantar kepada pembekal dalam tempoh masa diskaun tunai.